

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD.1 MEI 2016

JPV SENYAP

DALAM ruangan ini akhir tahun lalu, Awang pernah bangkitkan soal Napoleon Kecil dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang sering membuat keputusan memihak kepada pemain-pemain besar yang dianggap kartel.

Itulah yang selalu menjadi rungutan ramai dan sehingga hari ini tiada perubahan. Awang terus menerima maklum balas tentang isu tersebut. Ini termasuk dakwaan surat JPV menolak permohonan usahawan-usahawan, yang tidak dinyatakan alasan konkrit dan dibuat sambil melepas batuk di tangga.

Setakat ini, JPV belum tampil menjawab semua isu tersebut. Ketua Pengarah JPV harus tampil ke depan dan usah berdiam lagi. Jangan biarkan menteri memikul beban atas sebarang kelemahan jabatan. Sudah sampai masanya juga satu laporan lengkap import dan eksport ternakan termasuk senarai pemain-pemain besar ini didedahkan untuk penilaian semua pihak.

Malah ada pandangan oleh pakar bahawa harga daging ayam, lembu dan kambing mampu diturunkan lebih rendah untuk manfaat para pengguna jika monopoli kartel dipecahkan. Sejauh manakah kesahihannya, Awang tidak pasti. Sebab itu tahap efisiensi dan kompetensi JPV perlu dinilai semula. Memandangkan isu ini sudah lama berlarutan, memang wajar sekiranya Pasukan Petugas Khas di bawah Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) lebih meneropong JPV. Itu juga cara bagi memberi keadilan kepada JPV supaya tidak terus ditohmah. JPV yang didapati bersih selepas dilakukan forensik, akan pasti lebih disegani semua.

Awang Selamat